



# WARISAN

## Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992  
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

## KANDUNGAN

---

## Muka Surat

---

- |    |   |         |
|----|---|---------|
| 1. | Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat  | 6 - 10  |
| 2. | Pelabuhan Pengkalan Kempas  | 11 - 18 |
| 3. | Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. | Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan                        | 32 - 46 |
| 5. | Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin      | 47 - 51 |
| 6. | Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu               | 52 - 64 |
| 7. | Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih)                    | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI  
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

*Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.*

Telefon: Seremban 722421 & 722311  
PEJABAT MENTERI BESAR,  
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,  
70502 SEREMBAN.

فجاجة منتري بسر  
نكري سمبيلن  
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

**KATA-KATA ALUAN.**

*Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.*

*Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.*

*Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.*

*Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.*


*Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.*

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA  
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
70604 SEREMBAN.  
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



### KATA-KATA ALUAN

*Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.*

*Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.*

*Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.*

*Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.*

*Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.*


*Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.*

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)  
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.  
Merangkap,  
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,  
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



#### Dari Meja Pengarang

*Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.*

*Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.*

*Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.*

Terima Kasih.

**MOHD HISA BIN TAHAT**  
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS  
1991 - 1992**

**Yang DiPertua**

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,  
SPNS., PSM., DSNS, PMC.  
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

**Naib Yang DiPertua**

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS  
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

**Setiausaha Kehormat**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

**Penolong Setiausaha Kehormat**

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

**Bendahari**

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

**Ahli-Ahli Jawatankuasa**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.  
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.

Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.

Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim

Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

**Sidang Redaksi Warisan ke 15:**

**Pengerusi**

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

**Ketua Pengarang**

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

**Editor**

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Misan bin Mastor

Encik Zulkapli Othman

**Setiausaha**

Encik Mahadi Abdul Rahman.

## PELABUHAN PENGKALAN KEMPAS

*ABD AZIZ BIN SALLEH  
SMDMY, LINGGI*

**PENGGALAN KEMPAS** adalah sebuah pekan kecil yang dibangunkan pada bahagian akhir abad ke 19. Pekan ini terletak lebih kurang 36 km ke timur Port Dickson dan 36 km ke barat Seremban. Kita boleh menemui pekan ini jika kita mengikuti jalan besar Seremban - Linggi ke Port Dickson atau Port Dickson - Linggi ke Seremban dan Melaka.

Setakat ini terdapat beberapa penulisan sejarah mengenai Pengkalan Kempas, sama ada oleh orientalis barat atau oleh ahli-ahli sejarah tempatan; tetapi kesemuanya banyak tertumpu kepada suatuinggalan sejarah di Sungai Udang Pengkalan Kempas - lebih dikenali sebagai Keramat Sungai Udang - satu batu bersurat tentang seorang ulama atau pengembang Islam abad ke 15 masihi.

Kewujudan pekan Pengkalan Kempas pada akhir abad ke 19 adalah berkait rapat dengan kegiatan dan perkembangan ekonomi dalam abad yang sama di Negeri Sembilan - khususnya di Sungai Ujong. Dalam abad itu Sungai Ujong memainkan peranan penting sebagai pusat pengeluaran bijih timah di Negeri Sembilan. Kesan yang amat penting akibat kegiatan perlombongan bijih timah di Sungai Ujong itu ialah datangnya paksaan campur tangan politik British di Negeri Sembilan pada awal tahun 1874, setelah beberapa kekecohan dan perang kecil-kecilan yang wujud dipermukaan Sungai Linggi dapat ditamatkan. Kesan lain pula ialah wujudnya pekan baru iaitu Seremban pada hari ini merupakan pusat pentadbiran Negeri Sembilan. Sebagai suatu bahan eksport terpenting sepanjang abad ke 19 itu, maka tidak juga dapat dinafikan suatu fakta lagi - bahawa Sungai Linggi telah berfungsi sebagai suatu laluan perdagangan eksport -import masuk dan keluar dari dan ke Sungai Ujong. Ini berlaku sepanjang masa abad ke 19 hingga bahagian terawal abad ke 20.



## KEWUJUDAN PENKALAN KEMPAS SEBAGAI PELABUHAN

Membaca semula tulisan-tulisan pencatat barat (1) mengenai pengembaraan mereka dari Melaka ke Sungai Ujong melalui Sungai Linggi pada bahagian pertengahan abad ke 19, nama Pengkalan Kempas tidak ada dicatatkan, sebaliknya mereka menyebutkan tentang nama tiga buah pengkalan persinggahan pedagang-pedagang import makanan, pakaian dan lain-lain keperluan ke Sungai Ujong dan eksport bijih timah dari Sungai Ujong ke Melaka. Pengkalan-pengkalan itu ialah Pengkalan Dian. (2) Pengkalan Manggis (3) dan Pengkalan Kundang (4)

Meneliti semula catatan-catatan sejarah pergolakan politik dan ekonomi sepanjang Sungai Linggi mulai awal hingga kepada penguasaan British terhadap Sungai Linggi, Sungai Ujong dan Negeri Sembilan pada TM 1874, nama Pengkalan Kempas juga belum wujud.

Mengikut Periwat Sejarah Linggi dari sumber orang Linggi (5) sendiri, orang yang telah membina Masjid Kampung Linggi yang masih ada dan masih digunakan sekarang ini ialah Dato' Muda Haji Mohd. FERGHAL (Dato' Muda Linggi yang ketiga TM 1870 - 1893). Tidak diketahui bila tarikh lahir Dato' Haji Mohd. Ferghal dan bila masjid Kampung Linggi dibina - adakah ketika beliau belum dilantik menjadi Dato' Muda Linggi atau selepas dilantik menjadi Dato' Muda Linggi, tetapi riwayat ini menyatakan bahan-bahan binaan dibawa dari Melaka melalui laut dan mudik ke Sungai Linggi dan dipunggah (diturunkan) di pelabuhan Permatang Pasir, (6) kerana pelabuhan Pengkalan kempas belum wujud.

Dato' Haji Mohd. Ferghal adalah orang kaya. Dihadapan rumah beliau, terdapat tiga buah meriam tembaga satu pemeluk besarnya setiap satu dan ada tujuh atau lapan meriam yang dibuat daripada besi. Beliau membelanjakan lapan ribu ringgit bagi membina masjid Kampung Linggi.

Dalam akhbar Berita Minggu terbitan hari Ahad 14 April 1991 (28 Ramadhan TH 1411), seorang penulis, Haji Tajuddin Saman dengan kerjasama Arkib dan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur telah menulis satu rencana bertajuk "Ketua Masyarakat Kuala Lumpur : Haji Abdullah Hukum. "

- 
1. Antaranya ialah Bird, Isabella, *The Golden Chersonese*, London; 1883 (Reprinted; Kuala Lumpur: 1967) dan Branddell, T. *Notes on a trip to the Interior from Malacca*, JIAEA, Vol. 7; 1853.
  2. Nama sekarang ialah Pengkalan Durian - sebuah kampung di tebing Sungai Linggi.
  3. Pengkalan Manggis tidak lagi dapat dikesan sekarang. Yang ada ialah Sua Manggis, terletak jauh dari pinggir Sungai Linggi.
  4. Pengkalan Kundang ialah Pekan Linggi sekarang.
  5. Catatan Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin alias Abdul Samad bin Bulat (jahir TM 1876 meninggal dunia pada TM 1966. Catatan ini dibuat berdasarkan riwayat Cikgu Abbas bin Zakaria, seorang guru agama yang disegani di Linggi pada akhir abad ke 19. Ia dilahirkan pada TM 1860.
  6. *Ibid.*

Dalam rencana ini Haji Tajuddin Saman dalam usahanya mengenang kembali peranan dan jasa Haji Abdullah Hukum, telah menyatakan bahawa Haji Abdullah Hukum telah dilahirkan dalam tahun 1835. Ketika umurnya 15 tahun, beliau meninggalkan tanah tumpah darahnya di Kariah Sg. Abu jajahan Sg. Penoh Negeri Kerinci, Sumatera dan datang ke Melaka bersama SEKANCING (nama asal bapanya yang bermakna kunci pintu). Bapanya yang mempunyai gelaran iaitu Tuk Pangku kemudian diberi gelaran Haji Abdul Rahim ketika berada di Arafah. Menurutnnya, mereka singgah di Melaka selama tiga malam, menumpang di rumah Datuk Dagang Haji Said iaitu bapa mertua kepada Tambi Abdullah, seorang hartawan di Kuala Lumpur. Dari Melaka, mereka belayar menuju Pengkalan Kempas. Di situ Haji Abdullah Hukum mengambil upah menggalas kain daripada seorang saudagar kain keturunan Kerinci, Haji Abdul Rahim.

Dari sana, beliau ke Sg. Ujong. Mereka tinggal di sana selama lapan hari dan disebabkan tiada pekerjaan yang sesuai, mereka mengikut orang menggalas kain untuk pergi ke Kuala Lumpur. (7)

Dari rencana Haji Tajuddin Saman ini, kesimpulan yang boleh dibuat ialah:

- i. Haji Abdullah Hukum telah sampai dan bekerja di Pengkalan Kempas ketika berumur lima belas tahun. Dicampur tarikh kelahirannya pada TM 1835, bermakna beliau sampai ke Pengkalan Kempas pada TM 1850.
- ii. Pengkalan Kempas yang disebutkan di dalam tulisan Haji Tajuddin Saman ini ialah Pengkalan Kempas yang berhampiran dengan pekan Linggi, Jajahan Port Dickson, Negeri Sembilan kerana penulis ini menyebut "dari sana beliau ke Sg. Ujong. (8) Pengkalan Kempas dijadikan pintu masuk ke Sg. Ujong.
- iii. Pengkalan Kempas telah pun menjadi pengkalan perdagangan pada TM 1850. Haji Abdullah Hukum dikatakan mengambil upah menggalas kain daripada seorang saudagar kain keturunan Kerinci, Haji Abdul Rahim.

Setakat ini sahaja tarikh bertulis yang dapat saya temui mengenai bila wujudnya Pengkalan Kempas sebagai pelabuhan. Berdasarkan bukti yang ada ini, Pengkalan Kempas telah wujud sebagai pengkalan Perdagangan sejak begitu lama sebelum campurtangan British dalam tahun 1874; tetapi namanya tidak tercatat sehingga beberapa tahun menjelang TM 1874 itu, sebaliknya yang sentiasa disebut ialah Pengkalan Kundang, Pengkalan Dian dan Pengkalan Manggis.

7. Lihat rencana Haji Tajuddin Saman; "Masyarakat Kuala Lumpur : Haji Abdullah Hukum" dalam akhbar BERITA MINGGU; Ahad 14 April 1991 (28 Ramadhan 1411) ms. 15 terbitan The New Straits Times Press Bhd. Jalan Riong, Kuala Lumpur.

8. Nama Pengkalan Kempas juga wujud di Johor dan mungkin di tempat lain juga.

Ketiga-tiga pengkalan di atas sebenarnya terletak di tiga buah perkampungan pertanian yang telah lama wujud sekitar akhir abad ke- 18 dan awal abad ke-19; terletak antara 15 hingga 20 km memudiki Sg. Linggi (Sg. Batang Penar); sedangkan Pengkalan Kempas terletak lebih ke hilir lebih kurang 8 km sahaja dari laut atau dari Muara Sg. Linggi. Kawasan sekitarnya dipenuhi hutan nipah dan tanah berbukit yang tidak dapat diusahakan sebagai kawasan pertanian padi yang sesuai dengan kegiatan sosio-ekonomi masyarakat Melayu ketika itu.

## **PENGGALAN KEMPAS SELEPAS TM 1874**

Setelah British merampas kekuasaan politik Negeri-negeri Melayu pada TM 1874, matlamat utamanya ialah untuk menguasai segala bidang kegiatan ekonomi. Maka dalam konteks di Negeri Sembilan ialah penguasaan bijih timah di Sg. Ujong dan Sg. Linggi merupakan jalan eksport-import yang utama.

Kegiatan perlombongan yang cergas dan meluas sekitar Sg. Ujong (Seremban) dengan kemasukan buruh-buruh asing bagi memenuhi keperluan British, maka hakisan perlombongan yang hanyut ke Sg. Linggi menyebabkan dalam masa yang singkat pengkalan-pengkalan perdagangan di Pengkalan Kundang, Pengkalan Manggis dan Pengkalan Dian (Durian) akhirnya tidak berfungsi lagi kerana tidak lagi dapat dimudiki perahu-perahu besar. Dengan itu Pengkalan Kempas mulai mengambil-alih peranan ketiga-tiga pengkalan tadi.

Dalam TM 1877, P.J. Murray sebagai Residen Sg. Ujong, telah menulis dalam satu Annual Report On The Native State of Sungei Ujong 1877<sup>n</sup> Dari Annual Report itu ada keterangan mengenai kegiatan perdagangan di Sg. Linggi. Murray menyebut bahawa cukai import bagi opium (candu) ialah \$6.00 per ball dan cukai bijih timah ialah \$ 6.00 satu bahara. Bahan-bahan perdagangan runcit (stores and provisions) di bawa ke Rassa (Rasah) dan bijih timah serta lain-lain hasil di eksport melalui sungai. Dari Linghy (Linggi) dua buah kapal kecil berulang-alik dari Melaka setiap dua hari sekali.

Laporan itu juga menyebutkan bahawa sejak tahun-tahun sebelum 1877 pihak Inggeris telah berusaha membangunkan jalan darat antara Linggi dengan Seremban. Mulai 1876 penduduk tempatan telah membersihkan hutan untuk dijadikan kawasan pertanian. Seluas 3,226 ekar tanah berhampiran Linggi telah dipajakkan selama 10 tahun kepada MESSRS (Tetuan) SEE BOON TIONG & COMPANY Dari Melaka untuk tujuan penanaman ubi kayu.

Usaha-usaha untuk membina jalan darat dari Seremban ke Linggi telah dimulakan sebelum TM 1877. Mengikut P.J Murry apabila jalan itu siap dibina, ia boleh digunakan selama lapan bulan dalam setahun dan jalan sungai akan digunakan selama empat bulan dalam setahun, iaitu apabila air sungai itu penuh. Amat sedikit kereta lembu dari Singapura ketika itu diimport dari Melaka kerana didapati kereta yang sama harga dan mutunya dibina oleh ketua-ketua Bugis di Linggi.

Dalam TM 1882, P.J. Murry melaporkan sebahagian tertentu jalan darat antara Seremban dengan Linggi telah diturap batu dan peparitan dibina dan keseluruhannya dibaiki. Oleh kerana kesukaran mendapatkan buruh yang cukup dan upah yang mahal, maka mungkin jalan darat itu tidak dapat disempurnakan dengan cepat. Usaha juga sedang dibuat untuk menyambungkan jalan itu dari Linggi ke Pengkalan Kempas. " a spot on the river two miles below Linggi, where the water is deep and where the new port will eventually be"

Oleh itu, dari laporan P.J. Murry ini menjelaskan bahawa pada peringkat awal pentadbiran Inggeris di Sg. Ujong, Inggeris memberikan tumpuan utama kepada kegiatan perdagangan antara Linggi dengan Sg. Ujong. Oleh kerana dalam tahun-tahun akhir 1870-an dan awal 1880-an Sg. Linggi telah mulai menunjukkan tanda-tanda yang jelas tidak akan berfungsi lagi sebagai jalan air perdagangan yang berkesan, maka Inggeris mulai membina jalan darat antara Linggi dengan Sg. Ujong. Nama-nama Pengkalan Kundang, Pengkalan Manggis dan Pengkalan Durian tidak disebut dalam Laporan tahunan P.J. Murray, sebaliknya beliau telah menyatakan bahawa Pengkalan Kempas, dua batu ke hilir Linggi, yang lebih dalam airnya telah muncul sebagai sebuah pelabuhan baru di Sungai Linggi.

Dalam laporan tahunan "Report on the State of Sungei Ujong for the year 1883", P.J. Murray menyebutkan,

.....sebuah rumah kastam dan sebuah jeti (landing pier) sedang pesat dibina serta dua buah rumah untuk kerani telah siap 10 peratus dibina di pelabuhan baru Pengkalan Kempas itu. Jalan darat dari Linggi ke Pengkalan Kempas sejauh 2 1/2 batu sedang dibina dan diselenggarakan untuk jalan itu diteruskan pembinaanya ke Pengkalan Kempas.

R.M. Blank melaporkan dalam 'The Administration Report of State of Sungai Ujong and Jebebu for the Year 1893', pada akhir tahun 1893 jalan darat dari Sungai Ujong ke Pengkalan Kempas sepanjang 24 batu telah siap diturap, menelan kos sebanyak \$26,205.00 (Ringgit: Dua Puluh Enam Ribu Dua Ratus Lima Sahaja) Kos ini termasuk memperbaharui jambatan dan \$3500.00 lagi dibelanjakan untuk melebarkan jalan, menebas hutan dan membina "retaining walls"

Mengikuti Laporan yang sama yang ditulis dalam tahun TM 1894, mengatakan dalam tahun TM 1893 Sungai Linggi telah mulai cetek. Hanya kapal-kapal kecil sahaja yang boleh memudiki Sungai Linggi hingga ke Pengkalan Kempas. Oleh itu jalan darat dari Sungai Ujong ke Sungai Linggi memainkan peranan yang penting dan merupakan satu-satunya jalan perhubungan perdagangan ke Sungai Ujong dan Jelebu.

Berpegang kepada laporan di atas, maka bolehlah dianggap pada bahagian akhir abad ke -19 itu, pelabuhan Pengkalan Kempas dimulai secara perlahan-lahan menutup tirai peranannya sebagai sebuah pelabuhan terpenting di daerah Port Dickson dan Negeri Sembilan. Tambahan pula pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke -20, bandar pelabuhan Port Dickson pula telah dibangunkan secara lebih intensif, dengan wujudnya sebuah bandar baru di tepi laut dan terbina siap sebatang jalan keretapi dari Seremban ke Port Dickson.

Pada tahun 1954, ketika saya menumpang tinggal di Balai Polis Pengkalan Kempas, masih wujud sebuah gudang simpanan berukuran lebih kurang 40 kaki x 30 kaki, milik Harrison and Crossfield, tetapi telah tidak digunakan. Pada tahun 1955 gudang itu telah dirobohkan. Pada tahun 1985 pula, sebuah bekas Pejabat 'Wakil Pos' disitu telah diruntuhkan. Beberapa tahun sebelum itu pejabat wakil pos itu telah dipindahkan ke Pekan Linggi menjadi sebuah Pejabat Pos yang baru. Dalam tahun-tahun 1950-an bekas jeti papan di pelabuhan itu masih jelas dapat dilihat dan dikesan, tetapi pada hari ini hanya terdapat sebatang dua sahaja tiang-tiang jeti pelabuhan itu hanya untuk suatu nostalgia golongan penduduk veteran di daerah ini yang sekarang ini jika masih hidup dalam lingkungan umur 80-an atau 90-an tahun.

Hari ini Pengkalan Kempas tinggal sepi. Sebuah Balai Polis, Klinik Bidan dan beberapa unit rumah-rumah buruh JKR merupakan wakil-wakil agensi kerajaan di sini, selain sebuah monumen sejarah yang masih kekal - **KERAMAT SUNGAI UDANG PENGKALAN KEMPAS.**

Sebagai penutup kepada artikel ini ada baiknya disertakan perbandingan nilai impot bagi kawasan Linggi, Rasah, Sungai Raya dan Lukut dalam tahun 1882. Perlu ditegaskan nilai impot bagi Linggi dan Rasah adalah berdasarkan kegiatan impot kekawasan itu melalui Sungai Linggi dan pelabuhan Pengkalan Kempas adalah pelabuhan pintu masuknya. Berlainan dengan kawasan Lukut dan Sungai Raya, yang tidak melibatkan Sungai Linggi dan Pengkalan Kempas.

Sumber perangkaan adalah dipetik dari Laporan Tahunan yang dijadikan rujukan dalam penulisan artikel ini seperti dinyatakan dalam nota dan catitan kaki yang terdahulu dari bahagian ini.

## LAMPIRAN 1

BIL.	JENIS BARANGAN	RASAH		LINGGI		SG. RAYA		LUKUT		JUMLAH	
		\$	Sen	\$	Sen	\$	Sen	\$	Sen	\$	Sen
1.	Minuman botol (acrated water)	570	28	285	25	-		-		855	53
2.	Beer	1,185	42	766	10	-		-		1,951	52
3.	Brandy	2,121	80	327	60	-		-		2,669	40
4.	Biskut	232	44	453	40	7	70	-		693	54
5.	Lilin Cina	2,248	29	183	25	39	78	-		621	32
6.	China Sauce	1,237	07	300	35	4	24	-		1,541	66
7.	Tembakau Cina	8,427	02	942	40	513	30	-		9,955	77
8.	China Cake and Confectionary	1364	65	229	65	114	27	-		1,708	27
9.	China Crakers	2351	50	326	39	210	00	-		2,899	28
10.	Cerutu	310	92	110	95	-		-		421	87
11.	Curry Stuff	264	71	39	97	-		-		304	68
12.	Cocoanuts	1,007	08	329	49	-		-		1,336	57
13.	Dollars	23,520	00	60,400	00	-		-		83,920	00
14.	Colok Damar (Damar Torches)	142	70	303	00	-		-		445	70
15.	Udang Kering	1,723	53	35	20	62	40	-		1,821	13
16.	Flour and Wheat	3,149	15	243	65	159	50	-		3,552	30
17.	Garam	308	95	60	50	-		-		369	45
18.	Ghee	522	60	152	00	-		-		674	70
19.	Halia	334	48	58	63	-		-		393	11
20.	Hoes	971	30	298	60	-		-		1,269	90
21.	Paku Besi	283	47	57	02	2	50	-		342	99
22.	Iron Pans	1,102	75	415	55	305	60	-		1,823	90
23.	Tembakau Jawa	3,228	06	3,773	40	156	90	534	90	7,693	26
24.	Joss Stick	1,425	95	185	95	102	70	6	38	1,720	08
25.	Jaggery	96	48	334	02	160	30	-		590	80
26.	Lard	463	42	191	17	-		-		654	59
27.	Mancis	1,918	50	262	60	137	05	-		2,318	15
28.	Bawang	2,166	69	140	50	117	21	-		2,424	40
29.	Candu	97,228	00	8,585	90	7,380	00			113,193	90

30.	Minyak Kacang	23,936 41	1,197 35	566 88	101 45	25,802 09
31.	Minyak Tanah	2,700 55	481 25	278 25	109 50	2,498 49
32.	Minyak Kelapa	1,379 90	556 70	307 01	254 88	2,498 49
33.	Babi	13,254 25	952 00	545 05	620 00	15,371 70
34.	Piece Goods	8,291 77	5,401 03	14 21	-	13,371 30
35.	Pens	4,137 92	304 15	239 52	-	4,681 59
36.	Padi	1,111 53	475 60	41 15	-	1,328 28
37.	Kentang	758 65	141 10	-	-	899 75
38.	Beras	104,839 65	49,440 00	14,076 45	6,212 85	174,568 76
39.	Ikan Masin	19,699 76	1,243 08	1,986 32	2,837 94	25,767 10
40.	Salted Fish Roes	89 90	99 30	-	-	189 10
41.	Telur Masin	993 91	91 70	-	-	1,085 61
42.	Sayur Jeruk	5,985 24	206 90	282 74	-	6,774 88
43.	Gula	10,300 02	1,164 80	821 81	-	12,286 63
44.	Sundries	7,743 63	215 00	137 66	-	8,096 29
45.	Syrup	215 12	208 15	3 60	-	426 87
46.	Sabun	206 47	24 50	-	-	230 97
47.	Tamarind	213 77	88 65	11 40	-	313 82
48.	Teh	3,995 09	319 20	250 88	46 24	4,611 41
49.	Payung	588 90	146 50	7 20	-	742 60
50.	Vermicelli	2,141 59	386 60	179 40	-	2,707 59
51.	Vinegar	420 80	26 25	-	-	447 05

### JUMLAH KESELURUHAN

RASAH = \$ 372,922.04

LINGGI = \$ 129,931.79

SUNGAI RAYA = \$ 29,372.98

LUKUT = \$ 10,724.14

**JUMLAH SEMUA \$ 542,950.95**